

12 DEC 2002

SOROTAN AKHIR TAHUN-GLOBALISASI/I

MALAYSIA TELITI CARA-CARA UTK DAPAT MANFAAT DRP GLOBALISASI

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Malaysia yang begitu lantang menyuarakan pandangan mengenai liberalisasi dan globalisasi, tidak sekali-kali menentang perkembangan itu, sebaliknya ia amat prihatin terhadap terutamanya keperluan memaksimumkan manfaat-manfaatnya dan sekaligus mengurangkan risiko-risiko yang berkaitan dengannya.

Sebagai contoh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menegaskan pada Jun tahun ini bahawa Malaysia mengakui bahawa ia tidak boleh lari daripada kuasa-kuasa globalisasi dan liberalisasi tetapi ia akan terus menyarankan cara-cara untuk memastikan bahawa konsep-konsep itu memberi manfaat kepada lebih banyak penduduk.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, telah berkata bahawa liberalisasi pasaran, secara teorinya, boleh menghasilkan perdagangan global yang lebih besar.

Tetapi, kecuali keadaan-keadaan di dalam negeri adalah cukup masak untuk liberalisasi seumpamanya, mungkin terdapat kecacatan dan ketidak stabilan ekonomi, dengan kos liberalisasi jauh melebihi manfaat-manfaatnya, kata beliau.

Isu yang paling penting yang akan diperhatikan dengan minat yang lebih besar tahun depan ialah pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Rafidah telah berkata bahawa AFTA akan mengadakan pasaran baru yang besar lebih daripada 530 juta penduduk dan keluaran dalam negara kasar lebih daripada AS\$750 bilion.

Ini, dengan sendirinya, harus memberikan galakan bagi pegaliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih besar ke dalam ASEAN dan juga mendorong pelaburan kalangan ASEAN oleh pelabur-pelabur dan pengeluar-pengeluar ASEAN, katanya.

Dengan kata-kata lain, ASEAN, dengan mensinergikan langkah saling melengkapi secara strategik, dan kekuatan bersama, boleh mengujudkan pertumbuhan masing-masing yang perlu atau berkembang dari dalam.

Malahan sebelum berkuatkuasanya AFTA, Malaysia, dalam semangat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), telah dengan beransur-ansur meliberalkan banyak sektor supaya pelabur-pelabur asing boleh mengambil bahagian dalam pembangunan negara ini.

Langkah-langkah untuk melindungi industri-industri tempatan telah juga dirombak kecuali bagi segelintir industri.

Untuk menggerakkan perdagangan, Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Perundingan Perdagangan Pelbagai Hala dengan 11 kumpulan kerja untuk meneliti semua isu WTO dengan pandangan untuk menyelaraskan dan merumuskan pendirian-pendirian negara. Ia juga bermatlamat menjadikan Malaysia satu anggota WTO yang berkesan dan anggota yang biasa dengan dasar-dasar global.

Anggota-anggota kumpulan-kumpulan kerja itu termasuk wakil-wakil daripada kementerian-kementerian berkaitan, agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan badan-badan profesional.

Malaysia baru-baru ini mengemukakan senarai permintaan bagi kemasukan pasaran dalam sektor perkhidmatan kepada WTO. Ini termasuk kemasukan pasaran dalam sektor-sektor pembinaan dan kejuruteraan, perakaunan, telekomunikasi, perkhidmatan-perkhidmatan kewangan dan senibina.

AFTA akan berkuat kuasa cuma beberapa hari saja lagi. Itulah yang akan menjadi ujian sebenar bagi industri-industri Malaysia untuk melihat sama ada mereka boleh menyambung hidup di bawah persekitaran global, sungguhpun

dalam rangka lebih kecil.

Di bawah AFTA, tarif-tarif ke atas barangan Asean akan dikurangkan kepada di antara sifar dan lima peratus. Mereka yang kompetitif, cekap dan produktif mungkin tidak menghadapi banyak masalah.

Tetapi bagaimana mereka yang tidak cekap dan produktif? Para pakar menyarankan agar mereka menimbangkan membentuk perkongsian bijak dan mencari penyelesaian sama-sama menang.

Di samping AFTA, bidang berkepentingan seterusnya bagi industri-industri Malaysia ialah Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA. Pada masa ini Malaysia belum memulakan sebarang perundingan FTA.

Tetapi Malaysia kini sedang menjalankan kajian mengenai kos dan faedah FTA dua hala. Dan setakat ini, penyertaan Malaysia dalam sesuatu FTA adalah secara langsung atau tidak langsung melalui Asean yang telah menanda tangani perjanjian rangka kerja dengan China untuk merundingkan satu zon perdagangan bebas menjelang 2010.

FTA di antara Asean dan China telah diilhamkan oleh China pada Sidang Kemuncak Asean 2001 di Brunei.

Tidak mahu ketingglan, Jepun, ekonomi kedua terbesar dunia, dan Korea Selatan juga memutuskan untuk terbabit di dalam tindakan FTA. FTA Jepun dengan Asean akan menjadi satu realiti dalam masa 10 tahun dari sekarang.

Penyokong-penyokong FTA berkata mereka menawarkan cara-cara memperkukuhkan perkongsian di bidang-bidang yang tidak diliputi oleh WTO dan mencapai liberalisasi melampaui tahap yang boleh dicapai di bawah WTO.

Menceburi FTA adalah juga cara yang amat berguna bagi meluaskan skop perhubungan ekonomi dengan negara-negara lain.

Mereka menambah bahawa FTA menyebabkan peluasan pasaran-pasaran import dan eksport, penukaran kepada struktur-struktuf perindustrian yang lebih cekap, dan peningkatan persekitaran persaingan.

Di samping itu, mereka percaya bahawa FTA membantu mengurangkan kemungkinan pergeseran ekonomi menjadi isu-isu politik, dan membantu meluaskan dan menyatukan peraturan-peraturan dan sistem berkaitan dengan perdagangan yang sedia ada.

A.S telah menyelesaikan janji niaga FTA dengan Singapura bulan lalu, yang menanda perjanjian perdagangan bebas yang pertama di antara AS dan negara-negara Asean.

Seorang pemerhati percaya bahawa Malaysia mungkin memeterai FTA dengan AS memandangkan janji niaga seumpama itu mungkin tidak menyentuh "produk-produk sensitif". Di bawah perjanjian seumpamanya, AS dijangka terus menggunakan sebab-sebab anti-lambakan untuk melindungi produk-produk pertaniannya, seperti soya dan keluli manakala Malaysia mungkin membalas untuk melindungi industri automotifnya, kata beliau.

Asean juga sedang menimbangkan untuk memajukan satu perjanjian pelaburan perdagangan dan rangka kerja (Tifa) dengan AS. Ini telah dicetuskan semasa perundingan tidak rasmi antara Menteri Ekonomi Asean (AEM) dan Wakil Perdagangan AS Robert Zoellick di Manila November lalu.

Tifa yang dicadangkan itu muncul sebagai jawapan kepada tawaran FTA dua hala Presiden AS, George Bush kepada Asean melalui satu inisiatif perdagangan baru dinamakan Enterprais bagi Inisiatif Asean (EAI). EAI menawarkan prospek FTA dua hala di antara AS dan negara-negara Asean yang komited kepada pembaharuan dan keterbukaan ekonomi.

Di bawah EAI, AS dan negara-negara individu Asean akan bersama-sama menentukan sama ada dan bila mereka bersedia untuk melancarkan perundingan FTA. -- BERNAMA

LES SHY OS